



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Khutbah Bulan Oktober 2021M/ 1443H

M/S	Tarikh	Tajuk	ب
3	1 Oktober 2021M/ 24 Safar 1443H	DI PERSIMPANGAN BARZAKH	.1
10	8 Oktober 2021M/ 1 Rabi'ulawwal 1443H	MINDA SIHAT, UMMAH SEJAHTERA (Khutbah Sempena Hari Kesihatan Mental/ Kaunseling Kebangsaan 2021)	.2
16	15 Oktober 2021M/ 8 Rabi'ulawwal 1443H	HIKMAH MENELADANI SUNNAH (Khutbah Sempena Maulidur Rasul 1443H)	.3
22	22 Oktober 2021M/ 15 Rabi'ulawwal 1443H	AL-QURAN BUKAN SEKADAR DIBACA	.4
28	29 Oktober 2021M/ 22 Rabi'ulawwal 1443H	DENGAN TAUBAT, KITA BANGKIT SEMULA	.5
36	Khutbah Kedua		

Percetakan dibiayai:



زكاة فولاو فينغ

No. Telefon: 04-549 8088

---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)
  
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
  
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# DI PERSIMPANGAN BARZAKH

(1 Oktober 2021M/ 24 Safar 1443H)

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ الْقَوِيمِ  
وَدَعَا إِلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَسَلَّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersyukur kita pada hari yang penuh barakah ini, sekali lagi kita diberikan kesempatan oleh Allah SWT untuk berhimpun di rumah-Nya sebagai tanda ketundukan dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada-Nya. Oleh itu, marilah kita mengambil peluang ini untuk terus memperkukuh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-

mudahan kita sentiasa berada di dalam rahmat dan kasih sayang Allah SWT.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapikan kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Di Persimpangan Barzakh.”**

### **SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH,**

Pada awal Ogos yang lalu, kita digemparkan dengan kenyataan kontroversi seorang artis di Malaysia dalam sebuah rancangan radio apabila mempersendakan isu berkaitan malaikat yang menyoal dan menyiksa jasad di dalam kubur. Mereka yang berada bersamanya ketika itu turut ketawa berdekah-dekah tanpa rasa bersalah. Ya, melawak dibenarkan namun bergurau melibatkan perkara ghaib yang wajib kita imani ternyata amat melampau.

Ingatlah wahai umat manusia, hidup kita di dunia ini hanyalah sementara. Akhirat jualah yang kekal buat selamanya. Manakala jambatan yang menghubungkan antara keduanya pula ialah alam Kubur atau Barzakh. Keadaan kita

ketika hidup di dunia akan menggambarkan pengakhiran kita di alam sana. Ibn Qayyim dalam kitabnya, Ar-Ruh menyatakan ada dua jenis roh yang hidup di alam Barzakh.

Pertama, roh muna'amah (مُنْعَمَةٌ) iaitu roh yang mendapat nikmat. Ada roh ketika hidup di alam barzakh mendapat nikmat lebih hebat daripada nikmat ketika berada di dunia. Ini kerana ia dapat menjawab soalan Munkar dan Nakir dengan lancar kerana banyak melakukan amal ibadah.

Kedua, roh mu'azzabah (مُعَذَّبَةٌ) iaitu roh yang akan mendapat seksaan kubur. Golongan itu akan dipukul dengan pukulan yang amat dahsyat. Sehingga di dalam sebuah hadis dinyatakan, apabila sekali malaikat Munkar dan Nakir memukul, maka akan terbenam ke dalam tanah.

Ulama' membuat kesimpulan di alam Barzakh kelak akan ada roh yang selamat dan yang tidak selamat. Jika di alam barzakh sudah tidak selamat, maka di alam berikutnya sudah pasti roh itu lebih sengsara.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Nikmat kubur akan diterima oleh mereka yang beriman dan patuh kepada Allah سبحانه وتعالى. Manakala azab kubur pula menanti sesiapa yang engkar akan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya. Berdasarkan beberapa hadis tertentu, dapat difahami azab kubur berlaku kepada golongan berikut, antaranya:-

**Pertama:** Mereka yang tidak membersihkan air kencing dengan sempurna dan membiarkan dirinya beribadah di dalam keadaan memakai pakaian yang kotor dan bernajis.

**Kedua:** Golongan yang hidupnya dahulu sering melagakan sesama muslim dan suka melihat mereka bermusuhan di antara satu sama lain.

**Ketiga:** Golongan yang beriman tetapi dikenakan azab kubur kerana sikap suka mengumpat. Allah mengingatkan bahawa perbuatan ini adalah seumpama memakan daging saudara sendiri.

**Keempat:** Orang yang mengambil harta orang lain.

Justeru, marilah kita pastikan agar kesemua perkara tersebut dapat kita jauhi, semoga kita beroleh ketenangan di alam seterusnya nanti.

## **WAHAI TETAMU ALLAH YANG DIBERKATI,**

Sebagai hamba Allah, marilah kita merenung sejenak, apakah kita telah menunaikan segala kewajipan yang diperintahkan ke atas kita dengan sebaiknya? Adakah solat, puasa, dan zakat kita telah ditunaikan dengan sempurna? Apakah kita telah melaksanakan peranan serta tanggungjawab sebagai ibu bapa, sebagai anak, sebagai seorang pelajar, pekerja, pemimpin dan sebagainya sebagaimana yang digariskan oleh Syarak? Sekiranya kita merasakan banyak kekurangan dalam menunaikan setiap

peranan, maka marilah kita menguatkan azam untuk menjadi lebih baik.

Ingatlah bahawa Allah SWT telah memerintahkan kita untuk muhasabah diri sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Hasyr Ayat 18 dan 19:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa kepada mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasik.*”

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Imam at-Tirmizi meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا، وَتَمَّتْ عَلَى اللَّهِ (رواه الترمذي)

Maksudnya: “*Orang yang bijak adalah orang yang bermuhasabah tentang dirinya (sebelum dihisab pada*

*akhirat kelak) dan beramal untuk kehidupan sesudah mati. Sedangkan orang yang lemah adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah.” (Hadis Riwayat at-Tirmizi)*

## **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Yakinlah bahawa nikmat dan azab kubur itu adalah benar dan pasti akan terjadi. Sesungguhnya sesiapa yang mempunyai keimanan yang kukuh dan ilmu yang tepat, sudah pasti tidak akan sama sekali meragui kekuasaan dan kudrat Allah سبحانه وتعالى khususnya berkaitan nikmat dan azab kubur. Hanya orang-orang yang jahil dan sesat sahaja yang meragui kebenarannya. Allah SWT merakamkan sekitar 300 ayat di dalam Al-Quran yang menceritakan tentang kematian dan keadaan selepas kematian termasuk nikmat dan azab kubur ini. Sesungguhnya apabila hati kita meyakini dan mengingati akan kematian serta azab seksaan kubur, sudah pasti kita akan takut meninggalkan kewajipan Allah سبحانه وتعالى.

## **HADIRIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menganggap wabak Covid 19 yang berlaku kini sebagai amaran dan peringatan daripada Allah سبحانه وتعالى kepada kita semua. Ingatlah bahawa setiap ujian yang berlaku itu sebagai tanda Allah masih sayang pada kita. Jadikanlah segala kesalahan dan kesilapan lalu sebagai sempadan dan titik permulaan untuk

kita berubah menjadi hamba-Nya yang lebih baik. Semoga ujian yang ditimpakan ini akan menjadikan kita hamba Allah سبحانه وتعالى yang lebih beriman dan bertaqwa.

Marilah bersama kita hayati firman Allah سبحانه وتعالى dalam Surah Ali Imraan Ayat 16:

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّنَا ءَامِنَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦﴾

Maksudnya: *"(Iaitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka"*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



# MINDA SIHAT, UMMAH SEJAHTERA

(Khutbah sempena Hari Kesihatan Mental/ Kaunseling Kebangsaan 2021)  
(8 Oktober 2021M/ 1 Rabi'ulawwal 1443H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَ عِبَادَهُ بِاتِّبَاعِ الشَّرْعِ وَالْعَمَلِ بِالدِّينِ، وَبَيْنَ الْحَلَالِ وَالْحَرَامِ  
عَلَى لِسَانِ رَسُولِهِ الْأَمِينِ .  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita perbaiki diri dengan meningkatkan ketakwaan kepada Allah سبحانه وتعالى yakni dengan melakukan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan

isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapikan kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Minda Sihat, Ummah Sejahtera.”**

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Sesungguhnya Islam amat menitikberatkan umatnya untuk sentiasa sihat dan sempurna dari setiap aspek. Agama kita amat menegah sebarang unsur yang boleh merosakkan pemikiran sehingga menjejaskan kesihatan mental seseorang individu. Seperti mana Allah SWT menyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: *“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu), kerana menegakkan agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencapakkkan diri kamu ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil). Dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”*

## **MA'SYARAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Penularan pandemik COVID19 memberi impak yang besar kepada negara dan rakyat jelata bukan sahaja dari aspek ekonomi, sosial, kesihatan fizikal malah juga aspek kesihatan. Malangnya, masyarakat secara umum masih kurang memahami atau masih memandang ringan terhadap isu kesihatan mental ini. Persepsi negatif ini menyebabkan mereka yang mengalami gangguan tersebut menderita dalam diam dan sering dipinggirkan oleh masyarakat.

### **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Berdasarkan statistik Kajian Kesihatan dan Mobirditi Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan pada tahun 2019, hampir setengah juta penduduk di negara ini mengalami kemurungan. Statistik merangkumi 2.3% rakyat negara ini berusia 16 tahun ke atas yang mengalami masalah kesihatan mental. Kementerian Kesihatan Malaysia turut menyatakan bahawa 1 nisbah 3 daripada rakyat Malaysia mengalami masalah gangguan kesihatan mental, manakala 1 nisbah 5 remaja di dalam negara mengalami kemurungan.

Pandemik COVID19 menambah buruk lagi keadaan. Rata-rata masyarakat terkesan dari aspek emosi seperti ketakutan, kebimbangan, pengasingan (isolasi), serta tekanan perasaan akibat perubahan dalam norma kehidupan seharian. Keadaan ini membawa gangguan kesihatan mental lebih buruk seperti kemurungan, kerisauan yang melampau, trauma dan sebagainya. Mungkin ada dalam kalangan ahli keluarga, jiran tetangga serta rakan sekerja kita yang

mengalami gangguan sedemikian. Adakah kita sanggup membiarkan mereka tanpa mengambil peduli?

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Media melaporkan, pada tahun 2030 negara bakal berdepan dengan krisis kesihatan mental kedua tertinggi dalam negara selepas penyakit jantung. Tanpa sikap prihatin dan peduli yang tinggi, masalah ini akan terus menghantui kita dan seluruh masyarakat. Namun ingatlah, tiada penyakit yang tiada penawarnya. Di sini, khatib ingin mengajak kita semua agar mengamalkan budaya hidup yang sihat dan sejahtera dengan melakukan perkara-perkara yang berikut :

**Pertama:** Bermunajat dan berdoa kepada Allah dan menghidupkan sunnah. Firman Allah dalam Surah ar-Ra'du ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan *zikrullah* (mengingat Allah). Ketahuilah dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang”

**Kedua :** Mendapatkan rawatan kaunseling dan psikologi.

Ikhtiar awal dalam membendung permasalahan penyakit mental ini adalah menerima rawatan dari mereka yang pakar dalam bidang tersebut. Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) telah menempatkan seramai 200 orang Pegawai Psikologi Kaunseling di seluruh negara semenjak pandemik melanda. Sesi kaunseling dan rawatan terapi yang bersesuaian akan diberikan kepada semua pesakit.

**Ketiga** : Merujuk kepada pakar perubatan dan psiakiatri

Sekiranya masalah berlarutan, rujuklah pegawai perubatan dan psikitrik yang bertugas di hospital-hospital seluruh Malaysia. Kaedah biologi seperti perubatan amat diperlukan untuk membantu menstabilkan keadaan mental pesakit.

**Dan yang terakhir:** Sokongan, dorongan keluarga dan masyarakat amat penting bagi merasionalkan dan meningkatkan motivasi mereka yang mengalami gangguan penyakit mental.

### **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Mengakhiri khutbah, bersempena dengan Sambutan Bulan Kaunseling dan Kesihatan Mental Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 ini, marilah sama2 kita mengambil berat segala aspek kesihatan diri dan keluarga. Apalah ertinya menjadi negara yang maju dan pesat membangun sekiranya masyarakatnya kurang keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Semoga dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat, kita mampu menurunkan kadar kes masalah mental dalam negara, insyaAllah. Surah An-Nahl ayat 97:

خطبه جمعة بولن 2021/10

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٧٧﴾

*Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik. Dan sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka kerjakan.”*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِيْنَ.



# HIKMAH MENELADANI SUNNAH

(Khutbah Sempena Maulidur Rasul)  
(15 Oktober 2021M/ 8 Rabi'ulawwal 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْكَبِيرِ اللَّطِيفِ الْخَبِيرِ الْقَائِمِ عَلَى كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَالْمُجَازِي لَهَا  
بِمَا عَمِلَتْ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ  
الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ بَعَثَهُ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita mempertingkatkan ketakwaan dan keimanan dengan mematuhi setiap apa yang diperintahkan Allah serta meninggalkan sama sekali larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan yang beroleh redha didunia dan akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapkan kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Hikmah Meladani Sunnah.”**

## **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Firman Allah SWT Surah al-Anbiya' ayat 107:

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾

Maksudnya: *“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”*

Setiap kali tibanya bulan Rabiul Awwal, maka umat Islam seluruh dunia menyebut-nyebut tentang kelahiran bayi bertuah di Kota Mekah pada Tahun Gajah oleh ibunya Aminah dan diberi nama Muhammad bin Abdullah. Baginda yang mulia merupakan pilihan Allah سبحانه وتعالى sebagai Nabi akhir zaman, diutus ke dunia membawa risalah dakwah untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan jahiliah kepada cahaya Islam.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hampir dua tahun negara menghadapi ujian pandemik yang amat dahsyat. Banyak pengajaran boleh diambil daripada *Covid-19* yang melanda dunia tanpa mengira usia, bangsa dan agama. Seheinggakan jutaan kes kematian telah dilaporkan di seluruh dunia. Hebatnya Allah Yang Maha Berkuasa, secanggih mana pun teknologi perubatan, ia tetap tidak mampu menahan serangan *Covid-19*. Sehingga hari ini, usaha-usaha pencegahan giat dijalankan dan ia bertepatan dengan apa yang diajar oleh Rasulullah ﷺ.

Seterusnya *Covid-19* menyedarkan kita tentang pentingnya menjaga kebersihan sama ada secara bersendirian mahupun bersama orang lain. Ia juga mengajar dan mengingatkan kita terhadap adab Islam contohnya seperti adab ketika bersin. Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا عَطَسَ عَطَىٰ وَجْهَهُ بِيَدِهِ أَوْ بِثَوْبِهِ وَعَضَّ بِهَا صَوْتَهُ

Maksudnya: "Bahawasanya apabila Nabi ﷺ bersin, *Baginda menutup wajah dengan tangan atau kainnya sambil merendahkan suaranya.*" (Hadis Riwayat Tirmidzi)

Hadis ini menunjukkan Baginda ﷺ mengajar umatnya untuk menutup muka dengan tangan atau kain ketika bersin.

Dan lihatlah hari ini, seseorang individu akan dipandang pelik malah boleh disaman sekiranya tidak memakai pelitup muka.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Nabi ﷺ juga mengajar kita supaya mengucapkan الْحَمْدُ لِلَّهِ apabila selesai bersin kerana ia turut mengeluarkan kuman dan virus. Baginda juga menunjukkan adab mengelak daripada mengeras atau meninggi suara ketika bersin yang membuatkan seseorang itu dihormati. Perbuatan ini nampak kecil dan remeh namun realitinya, masih ada dalam kalangan kita yang mengabaikan. Ucapan الْحَمْدُ لِلَّهِ diganti dengan semata-kata ayat “*excuse me*” atau “maafkan saya”.

Seperkara lagi, kaedah pencegahan lain adalah dengan tidak berjabat tangan atau bersentuhan. Sebenarnya isu larangan bersalaman telah pun diajar oleh Rasulullah ﷺ sendiri. Baginda tidak bersalam dengan orang berpenyakit kusta apabila perwakilan Bani Thaqif berjumpa Baginda kerana ada di antara mereka yang terkena penyakit itu. Baginda hanya menerima janji setia tanpa berjabat tangan seperti biasa. Imam al-Qurtubi ketika menerangkan peristiwa ini menyatakan Baginda tidak bersalaman kerana dikhuatiri ia akan menjangkiti Baginda dan sahabat رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ. Islam sebenarnya sudah mengajar umatnya larangan bersalam dan bersentuhan ketika wabak.

## **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Seruan dan kempen duduk di rumah menjadi ungkapan popular sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Imam an-Nawawi menyebutkan berkenaan perihal kuarantin dan hukum seseorang bercampur dengan orang dijangkiti ketika menghadapi penyakit kusta. Beliau turut menyebutkan pandangan al-Qadhi Iyadh mengenai larangan seseorang pergi ke masjid ketika menghidapi penyakit itu. Usamah Ibnu Zaid رَضِيَ اللهُ عَنْهُ meriwayatkan Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

*“Apabila kamu mendengar berlakunya wabak taun di suatu negeri, maka janganlah kamu memasukinya. Dan apabila berlaku wabak dalam kawasan kamu berada di dalamnya, maka jangan kamu keluar.”*

*(Hadis Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)*

Sesungguhnya, Islam adalah agama praktikal dan tidak mendidik umatnya hanya menyerah urusan pada Allah SWT tanpa berusaha. Ujian seperti ini akan mematangkan lagi masyarakat sama ada kita sebagai orang awam, saintis mahupun ulama'. Mereka yang ahli pada bidangnya, masing-masing mencari hujah dan kaedah serta penyelesaian mengatasi masalah ini. Contohnya, pengurusan jenazah yang dijangkiti *Covid-19*, pandangan ulama dan saintis digabungkan bagi memudahkan semua pihak untuk menguruskan jenazah berdasarkan kaedah fiqh realiti dan fiqh keutamaan.

## SIDANG JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah, dalam usaha menyemarakkan syiar Sambutan Maulidur Rasul yang bakal disambut beberapa hari lagi, kita perlu sentiasa berusaha mempromosi serta menonjolkan kehebatan Nabi Muhammad ﷺ.

Ayuh kita tanamkan dalam diri bahawasanya Bagindalah idola atau contoh teladan sebenar yang perlu diikuti terutamanya ketika mana ada sebahagian umat Islam sendiri tidak begitu mengenal Rasulullah sebagai contoh terbaik sepanjang zaman. Firman Allah dalam ayat 21 surah al-Ahzab:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ  
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya adalah bagi kamu contoh ikutan yang terbaik pada diri Rasulullah s.a.w, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) pada hari akhirat. Dan mengingati Allah sebanyak-banyaknya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ  
التَّائِبِينَ.



# AL-QURAN BUKAN SEKADAR DIBACA

(22 Oktober 2021M/ 15 Rabi'ulawwal 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَعَلَّمَهُ الْبَيَانَ، وَمَنَعَهُ مِنْ نَعَمِهِ فَصَاحَةً اللِّسَانِ، بِهِ  
يَذُكَّرُ وَيَتْلُو كَلَامَهُ الْقُرْآنَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ الْقَوِيمِ وَدَعَا إِلَى  
الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَسَلَّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
اللَّهُمَّ عَلَّمْنَا مَا يَنْفَعُنَا، وَانْقَعْنَا بِمَا عَلَّمْتَنَا، وَزِدْنَا عِلْمًا، وَأَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ،  
وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita perbaiki diri dengan meningkatkan ketakwaan dan keimanan dengan mematuhi setiap apa yang diperintahkan Allah تعالى سبحانه yakni dengan melakukan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapikan kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Al-Quran Bukan Sekadar Dibaca.”**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Berkata ulama' dalam kitab *لَطَائِفُ الْمَعَارِفِ* bahawa apabila masuk sahaja bulan Syaaban maka para sahabat mula menyelak-nyelak lembaran al-Quran, mula membaca al-Quran untuk bertemu dengan bulan Ramadhan al-Mubarak.

Kini kita berada dalam bulan Rabi'ulawwal. Bulan kelahiran Nabi Muhammad ﷺ. Marilah kita perbaharui niat dan menambahkan lagi semangat untuk melazimi sunnah Nabi iaitu membaca al-Quranul Kareem. Sunnah yang barangkali makin hari makin berat untuk dilakukan oleh sebahagian dari kita. Membaca Surah Yasin, al-Kahfi, bacaan surah panjang dan pendek dalam solat itu semua amalan yang baik. Membaca al-Quran juga adalah sunnah yang tidak boleh ditinggalkan sama sekali.

Khatib ingin mengajak diri dan semua untuk bermuhasabah. Bila kali terakhir kita membaca al-Quran? Dua hari lepas? Sebulan atau setahun yang lalu? Ingatlah firman Allah pada pangkal ayat 25 dari Surah al-Baqarah:

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ... ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir dibawahnya beberapa sungai...”

Ayat ini menunjukkan kita mesti beriman dan beramal soleh. Iman sahaja tanpa perbuatan, tidak akan bermakna.

Khatib benar-benar mengajak semua sidang jemaah yang berada di dalam masjid atau yang sedang mengikuti khutbah ini, ayuh kita mula membaca lembaran al-Quran yang mulia.

### ***MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,***

Lihatlah betapa banyak kisah menakjubkan yang berlaku pada manusia-manusia agung berkaitan al-Quran. Imam asy-Syafie رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى, ketika bulan biasa beliau mengkhataamkan al-Quran berkali-kali, namun dalam bulan Ramadhan beliau mengkhataam al-Quran sebanyak 2 kali dalam satu hari!

Begitu juga kisah seorang lelaki yang ingin bertanya soalan kepada Imam asy-Syafie. Soalannya adalah: “Sumber

خطبه جمعة بولن 2021/10

syariat kita adalah al-Quran dan Hadis namun dari mana datangnya ijma' ulama'? Kata imam izinkan aku untuk menjawabnya nanti. Keesokan hari, imam datang pada lelaki itu dalam keadaan mata yang bengkok (kerana tidak tidur mencari jawapan).

Jawapan terhadap persoalan tersebut diberitahu kepada lelaki tersebut lantas lelaki itu membenarkan dengan mengatakan beliau telah memberi jawapan yang tepat. Imam asy-Syafie berkata, bermula dari saat itu, aku mula khatam al-Quran tiap-tiap hari sebanyak 3 kali. Kenapa? Kerana di dalam al-Quranlah, terkandung semua jawapan pada semua permasalahan hidup pada hari ini.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Lihat pula seorang lelaki bernama Mu'awiyah bin al-Muzani, seorang yang hidup di zaman Nabi ﷺ. Ketika mana beliau meninggal dunia, Malaikat Jibril mengajak Nabi untuk solat ke atas jenazah Mu'awiyah. Jenazah beliau turut sama disolatkan oleh para malaikat malah malaikat turut mengembangkan sayap mereka pada jenazahnya. Nabi ﷺ bertanya kepada Jibril عَلَيْهِ السَّلَام siapakah dia? Jawab Jibril:

*"Mu'awiyah adalah seorang lelaki yang bangunnya, duduknya, rehatnya, baringnya dan semua kehidupannya, tidak berhenti membaca:*

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ① اللَّهُ الصَّمَدُ ② لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ③ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ④

Kita mengatakan membaca **قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ** itu mudah, namun berapa kerap kita baca? Kenapa kita tidak melazimi surah yang ringkas ini? Sebab kita jauh dari al-Quran. Kita pandang al-Quran hanya sebelah mata. Sedangkan mungkin mata dan jari kita hari ini tidak pernah gagal membaca *Whatsapp, Facebook* atau surat khabar setiap hari.

Begitu juga Imam Hassan al-Basri berkata: “Sesungguhnya orang-orang sebelum aku apabila mendapat al-Quran, mereka menganggap ia sebagai “surat” daripada Allah. Mereka mentadabbur satu persatu ayat pada tiap-tiap malam. Sedangkan kesemua mereka sudah pun Allah janjikan syurga (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ).

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Berdasarkan semua kisah hebat tadi, marilah kita mula suburkan dan gemburkan kembali kecintaan pada al-Quran. Al-Quran adalah petunjuk kehidupan. Namun bagaimana kita ingin mendapat petunjuk jika malas membaca al-Quran. Bagaimana seorang guru ingin menyampaikan cahaya ilmu kepada muridnya tanpa suluhan al-Quran. Begitu juga bagaimana seorang suami mampu membawa isteri dan anak-anaknya ke syurga Ilahi, jika kitab-Nya yang memandu ke syurga, langsung tidak disentuh sama sekali. Firman Allah: Al-Baqarah ayat 1-2.

﴿ ۱ ﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿ ۲ ﴾

Maksudnya: “Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa;”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ  
التَّائِبِينَ.



## DENGAN TAUBAT, KITA BANGKIT SEMULA

(29 Oktober 2021M/ 22 Rabiulawwal 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَعَدَ مَنْ أَطَاعَهُ بِدَارِ السَّلَامِ، وَقَبِلَ مَنْ عَصَاهُ إِذَا تَابَ عَنِ  
ازْتِكَابِ الْآثَامِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita semua bertaqwa kepada Allah SWT dengan sepenuh hati. Sesungguhnya taqwa bermaksud kita melaksanakan segala perintah Allah تعالى و سبحانه dan menjauhi segala larangannya. Dengan demikian kita akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang

memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapinya kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Dengan Taubat Kita Bangkit Semula.”**

## **SAUDARAKU KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Sebagai anak Adam, sememangnya mempunyai ramai musuh di kalangan syaitan, manusia dan jin. Mereka sentiasa akan memperindahkan apa yang hodoh dan menghodohkan apa yang baik. Dengan dosa dan kesalahan itu pula, syaitan mengharapkan para pendosa agar dihimpit penyesalan yang berterusan dan berada dalam keadaan serba salah, tidak tahu bagaimana untuk kembali menjadi baik.

Namun Allah yang Maha Penyayang, yang membuka pintu taubat kepada hamba-hamba-Nya, akan sentiasa melebarkan pintu rahmat-Nya dan membimbing mereka untuk meminta pengampunan. Allah juga menjadikan segala perbuatan soleh para hamba-Nya sebagai cara penghapusan dosa dan menguji mereka dengan pelbagai musibah seperti pandemik *Covid-19*, penyakit, kesusahan hidup dan kemiskinan sebagai kaffarah.

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Allah **سبحانه وتعالى** menjadikan taubat sebagai tempat perlindungan yang kuat bagi setiap pendosa yang akhirnya insaf dan mengakui kesilapan. Taubat juga adalah cara kembali bagi pendosa yang amat mengharapkas kasih Tuhannya dan menyesali keterlanjurannya. Allah **سبحانه وتعالى** akan menukarkan kejahatannya dengan kebaikan, menebus dosa-dosanya dan mengangkat kembali darjatnya. Tiada dosa dan maksiat yang tiada pengampunan Allah jika ia datang daripada hamba-Nya sama ada yang fasik atau kafir. Dalam Surah al-Anfal ayat 38 Allah berfirman:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ  
سُنَّتُ الْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufurannya), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu dan jika mereka kembali lagi (engkar maka Kami akan menyeksa mereka), kerana sesungguhnya telah berlakulah kebinasaan orang-orang (yang kufur engkar) dahulu kala.”*

Allah juga telah membuka pintu-pintu-Nya kepada semua mereka yang bertaubat. Dia sentiasa menghulurkan

rahmat-Nya pada waktu malam kepada pendosa di siang hari dan membentangkan keampunan-Nya pada siang hari kepada pendosa di malam hari. Dalam sebuah hadis Qudsi, Allah سبحانه وتعالى berfirman :

يا عِبَادِي إِنَّكُمْ تُخْطِئُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَأَنَا أَعْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا،  
فَاسْتَغْفِرُونِي أَعْفِرُ لَكُمْ

Maksudnya: “Wahai sekalian hambaKu, sesungguhnya kalian melakukan kesalahan pada waktu siang dan malam, sedangkan Aku sentiasa akan mengampunkan semua dosa maka beristighfarlah kepada-Ku, akan Aku berikan keampunan kepada kalian”

(Hadis Riwayat Muslim)

Seterusnya lagi, Allah memberikan khabar gembira kepada pendosa supaya jangan berputus asa daripada rahmat-Nya dengan berfirman pada ayat 53 surah al-Zumar:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ  
الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa;

sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

### ***MA'SYARAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,***

Sesiapa yang menyangka bahawa dosanya tidak diampuni Allah, dia sebenarnya telah bersangka buruk terhadap Allah SWT. Berapa banyak hamba yang dahulunya sombong dengan dosa-dosa silamnya dan jauh daripada mentaati Allah, kemudiannya dia bertaubat lalu terhapuslah segala dosa yang lampau. Tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya adalah bertaubat dengan sungguh hati dan menjadi hak-Nya untuk mengampunkan kita.

Sebagai contoh kisah Fudhail bin Iyadh, seorang salafussoleh yang warak menceritakan perihal taubat yang dia pelajari secara tidak langsung daripada seorang kanak-kanak. Pada satu hari dalam perjalanannya ke masjid, dia menyaksikan seorang kanak-kanak dimarahi ibunya lalu melarikan diri dari rumah. Namun tidak lama kemudian, kanak-kanak itu kembali semula ke rumah dan mendapati ibunya mengunci pintu dengan rapat.

Lalu kanak-kanak itu meraung memanggil ibunya sambil mengetuk pintu dengan kuat. Namun ibunya tidak mengendahkannya sama sekali sehingga kanak-kanak tersebut tertidur di depan pintu rumahnya. Tidak lama

kemudian, si ibu membuka pintu lalu mengangkat anaknya itu lalu dipeluk, dicium dengan penuh kasih sayang dan membawanya ke dalam rumah. Kejadian ini disaksikan oleh Fudhail sehingga menitikkan air matanya. Kata beliau, begitulah sepatutnya dilakukan para pendosa agar mengetuk pintu rahmat Allah berkali-kali kerana akan tiba masanya, Allah akan “merangkul” kita ke dalam keampunan-Nya.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,**

Khatib ingin menyeru diri sendiri dan kita semua agar bertaubat dan beristighfar atas setiap dosa dan kesalahan yang dilakukan, sama ada berkaitan dengan hak Allah dan hak manusia. Imam al-Nawawi menyatakan bahawa jika kesalahan itu berkait hak manusia seperti mengambil hartanya tanpa kebenaran atau tidak membayar hutang, maka di samping bertaubat ia mesti mendapatkan kemaafannya atau warisnya jika telah meninggal dunia.

Walaupun bagaimanapun, di samping bertaubat dan meminta pengampunan, ia perlu disertakan selepas itu dengan pelaksanaan taklif syarak dan pelbagai amal soleh seperti solat, puasa, zakat, sedekah dan lain-lain. Amalan-amalan tersebut menjadi bukti kesungguhan taubat. Rasulullah ﷺ bersabda:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Maksudnya: “Setiap anak Adam melakukan kesalahan dan sebaik-baik orang yang bersalah ialah mereka yang bertaubat” (Hadis Riwayat at-Tirmizi dan Ibn Majah)

## **SAUDARAKU MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bencana penyakit dan wabak seperti Covid-19 yang menimpa kita sehingga menyesak jiwa, kekurangan wang ringgit dan bebanan keperluan persekolahan anak-anak, adalah penebus dosa dan pengangkat darjat kita di sisi Allah سبحانه وتعالى.

Mengakhiri khutbah ini, ingin khatib katakan bahawa jika kita kembali kepada Allah dengan tekad yang benar dan berusaha menggandakan amal soleh, insya-Allah hati kita akan merasa tenang dengan pintu-pintu pengharapan kepada Allah akan terbentang luas. Dengan demikian, usaha syaitan yang ingin menjauhkan kita daripada rahmat-Nya akan gagal. Marilah kita bersama-sama merenung firman Allah سبحانه وتعالى pada ayat 31 surah an-Nur yang berbunyi:

.... وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “...Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ  
التَّائِبِينَ.



## Khutbah Kedua Bulan Oktober

2021M/ 1443H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-  
Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah  
Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-  
Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ

Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni  
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah,  
Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia  
Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim;

وَصَاحِبِ الْفَخَامَةِ

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin  
Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا  
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَنِ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.*

*Ya Allah jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf. Rahmatilah kehidupan kami. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.*

اللَّهُمَّ قُوْا إِيْمَانَنَا، وَوَحِّدْ صُفُوْفَنَا، وَاجْمَعْ قُلُوْبَنَا عَلَىٰ مَحَبَّتِكَ وَنُصْرَةَ شَرِيْعَتِكَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. ﴿سورة الصافات﴾